

Kisah Tauladan (IV): *Ganjaran Hebat Buat Ummu Salamah*

Oleh: **Hajah Makiah Tussaripah binti Jamil**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari. UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Seorang sahabat Nabi Muhammad SAW bernama Abu Salamah meninggal dunia setelah pulang daripada perang Uhud. Dia meninggalkan seorang isteri bernama Ummu Salamah. Setelah kematian suaminya yang tercinta, Ummu Salamah berasa sangat sedih dan fikirananya seringkali terganggu. Lantas beliau pun pergi bertemu Rasulullah SAW dan mengadu tentang masalahnya kepada baginda.

Rasulullah SAW kemudiannya telah mengajar kepada Ummu Salamah satu doa yang berbunyi :

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ اللَّهُمَّ اجْزِنِي فِي مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا

Doa itu bermaksud:

"Sesungguhnya kami milik Allah dan sesungguhnya kepada-Nyalah kami akan kembali. Ya Allah, berilah pahala atas musibah yang menimpaku dan berilah aku ganti yang lebih baik darinya."

Dengan penuh keyakinan dan kesabaran, Ummu Salamah terus mengamalkan doa tersebut serta yakin bahawa Allah SWT akan memakbulkan doanya. Setelah beberapa ketika, beberapa orang lelaki dalam kalangan sahabat Rasulullah SAW telah datang untuk melamar Ummu Salamah. Tindakan ini dilakukan sebagai tanda hormat terhadap suaminya yang telah berkorban demi Islam dan juga untuk melindungi diri Ummu Salamah. Antara sahabat yang datang melamar termasuklah Abu Bakar As-Siddiq dan Umar bin Al-Khattab. Walau bagaimanapun, lamaran tersebut telah ditolak dengan baik oleh Ummu Salamah.

Kebimbangan Ummu Salamah berhubung pengganti suaminya akhirnya terjawab tatkala dilamar oleh Rasulullah SAW sendiri. Allah SWT mendatangkan insan paling mulia kepada Ummu Salamah. Sesungguhnya inilah rupanya hasil doa dan kesabarannya. Kehilangan Abu Salamah telah diganti oleh Allah SWT dengan sebaik-baik manusia iaitu Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, lamaran Rasulullah SAW itu tidak segera diterimanya. Dengan penuh rasa kerisauan dan kebimbangan Ummu Salamah mengungkapkan kata-kata berikut *"Sesungguhnya saya seorang wanita yang telah berusia. Saya juga memiliki anak-anak yatim dan saya seorang yang sangat cemburu, sedangkan kamu wahai Rasulullah, mempunyai ramai isteri."* Lantas Rasulullah SAW pun berkata *"Adapun tentang sifat cemburu itu, maka Allah akan menghilangkannya. Adapun usia yang telah tua, sesungguhnya saya lebih tua daripadamu. Manakala anak-anak yatimmu, maka itu menjadi tanggungan Allah dan Rasul-Nya."*

Maka hilanglah rasa ralat di hati Ummu Salamah lantas diterima lamaran sebaik-baik manusia itu dengan penuh rasa gembira. Dengan pernikahan tersebut, maka status Ummu Salamah telah meningkat menjadi salah seorang daripada Ummahatul Mukminin yang telah memberikan contoh teladan dalam menempuh ujian dalam kehidupan. Betapa Allah mengagungkan Ummu Salamah, keagungan yang tiada tolak bandingnya dengan dunia dan seluruh isi dunia. Ummu Salamah menjalani kehidupan yang sangat bahagia dan barakah bersama Rasulullah SAW. Ummu Salamah



menjadi seorang isteri yang sangat baik kepada Rasulullah SAW. Beliau banyak membantu dakwah Rasulullah SAW kerana beliau memiliki pemikiran yang bernas.

Tauladan yang boleh kita ambil daripada kisah hebat ini adalah bagaimana keperibadian yang dimiliki oleh Ummu Salamah begitu luar biasa. Sebagai contoh, peringatan dan tauladan yang dapat kita contohi ketika diuji dengan musibah dan kesulitan. Manusia seringkali lupa dan langsung berkeluh kesah apabila menghadapi ujian dalam kehidupan. Padahal mungkin sahaja Allah SWT telah menyiapkan suatu yang lebih baik dan istimewa di sebalik musibah tersebut. Justeru janganlah kita berprasangka buruk terhadap segala ketentuan dan ketetapan dari Ilahi. Sesungguhnya seorang mukmin yang benar-benar bertakwa kepada Allah SWT itu sentiasa redha dengan Tuhannya dan juga diredhai oleh Tuhannya.